

Esa, Ahmad and Suhaimy, Khairul Azman (2002). Prosiding Persidangan Kebangsaan Etika Gunaan dan Profesional. Bangi: UKM. 31-38. ISBN 983-9122-04-5

## **CONFORMITY TO UNDERTAKING (AKUJANJI) AMONG GOVERNMENT SERVANTS : A CASE STUDY**

Ahmad bin Esa  
Khairul Azman bin Mohd Suhaimy

### **Abstract**

The purpose of this case study was to identify the obedience of government servants towards the undertaking (Akujanji) that was newly introduced as a code of ethics. The objective of the study is to identify government servants' knowledge and sensitivity on Akujanji and identify their obedience on Akujanji's content. At the same time, the study was also conducted to identify whether there are any insubordination towards the elements on Akujanji. The importance of research is to get the picture of the effectiveness Akujanji's in its initial implementation as a code of ethics. It is meant to control government servants' quality of service. As many as 120 government servants from three organizations have been involved in this study. Instrument of the study was questionnaire and data obtained was analyzed using SPSS's version 10.0 programme to seek the min to fulfil objective that is targeted. Anova's test was conducted to identify differences in knowledge, sensitivity, obedience and insubordination between different staff organization, race and service category. Results found conclude that most government servants have recognized Akujanji, and they are responsible to compliance with all descriptors in Akujanji. However still there is some staff do not know Akujanji in details. Thus, they do not adhere to some description in the Akujanji.

Keywords: Aku janji, Government Servants, Case Study

## **KEPATUHAN TERHADAP AKUJANJI DI KALANGAN KAKITANGAN KERAJAAN : SATU KAJIAN KES**

Ahmad bin Esa  
Khairul Azman bin Mohd Suhaimy  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)  
Beg Berkunci 101  
86400 Parit Raja, Batu Pahat.  
[aneh98@hotmail.com](mailto:aneh98@hotmail.com)  
[khairulazman@hotmail.com](mailto:khairulazman@hotmail.com)

Abstrak : Tujuan kajian kes ini ialah untuk mengenal pasti kepatuhan kakitangan kerajaan terhadap Akujanji yang baru diperkenalkan sebagai satu kod etika kepada mereka. Objektif kajian ialah mengenal pasti pengetahuan dan kepekaan

kakitangan kerajaan terhadap Akujanji dan mengenal pasti kepatuhan mereka terhadap kandungan Akujanji. Di samping itu kajian yang dijalankan juga untuk mengenal pasti sama ada wujud atau tidak unsur-unsur ketidakpatuhan terhadap Akujanji. Kepentingan kajian difikirkan perlu untuk mendapat gambaran awal keberkesanan Akujanji sebagai satu kod etika yang dapat mengawal kualiti perkhidmatan kakitangan kerajaan. Seramai 120 orang kakitangan kerajaan daripada tiga buah organisasi telah terlibat dalam kajian yang dijalankan. Instrumen kajian ialah soal selidik dan data-data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan program SPSS versi 10.0 untuk mendapatkan min bagi memenuhi objektif yang ditetapkan. Ujian Anova telah dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan pengetahuan, kepekaan, kepatuhan dan ketidakpatuhan antara kakitangan berlainan organisasi, kaum dan kategori perkhidmatan. Hasil kajian mendapati secara keseluruhan kakitangan kerajaan mempunyai pengetahuan dan kepekaan yang baik terhadap Akujanji, kepekaan yang sederhana dan mereka mematuhi semua tanggungjawab yang terkandung di dalam Akujanji. Bagaimanapun masih terdapat segelintir kakitangan yang tidak mengetahui secara terperinciuraian kandungan Akujanji bagi organisasi masing-masing dan tidak mematuhi beberapa perkara yang terkandung di dalam Akujanji.

## **1.0 PENGENALAN**

Seseorang pegawai awam yang memegang jawatan wajar menumpukan taat setia mereka kepada Yang di-Pertuan Agong yang merupakan simbol kedaulatan negara. Mereka juga perlu menumpukan kesetiaan dan memberikan sokongan sepenuhnya kepada kerajaan yang memerintah (*the government of the day*) serta dasarnya tanpa mengira parti mana yang memerintah. Pengenalan Akujanji adalah selaras dengan prinsip kedua Rukunegara iaitu “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” dalam usaha untuk meningkatkan keutuhan perkhidmatan awam keseluruhannya. Oleh itu melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2001 mewajibkan setiap pegawai awam menandatangani Surat Akujanji (SAJ). Mereka mesti melaksanakan tugas dengan jujur, setia dan bertanggungjawab. Tambahan pula Surat Akujanji adalah tambahan kepada Surat Penerimaan Tawaran Pelantikan Jawatan, Akuan Sumpah Menyimpan Rahsia Rasmi dan Peruntukan Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) dalam Peraturan Am (*General Order*) 1993.

## **2.0 PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dalam akhbar Berita Harian 28 Jun 2002 memaklumkan bahawa seramai 4,531 orang kakitangan awam dikenakan berbagai tindakan tatatertib dalam tahun 2001. Meskipun jumlah ini kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan kakitangan awam yang melebihi 800,000 orang tetapi langkah-langkah untuk mengawal kes-kes pelanggaran tatatertib seperti tidak hadir bertugas, ingkar perintah, penyalahgunaan dada, disabitkan dengan kesalahan jenayah dan lain-lain sewajarnya mendapat kerjasama daripada semua pihak dalam perkhidmatan awam di seluruh negara. Akhir-akhir ini didapati ada kakitangan awam yang tidak berkecuali dalam pendirian

politik yang telah membawa ke dalam urusan di pejabat. Mereka telah memburuk dan memperkecilkan dasar termasuk tindakan kerajaan. Pegawai yang mengkritik atau menentang dasar kerajaan akan merosakkan kebolehpercayaan dan keutuhan perkhidmatan awam keseluruhannya. Prinsip tanggungjawab bersama dan kesatuan dalam perkhidmatan awam akan dipersoalkan. Akibatnya kewibawaan pegawai untuk berfungsi dengan berkesan akan terhakis. Tambahan pula pegawai yang tidak patriotik akan dianggap tidak berkemampuan bagi melaksanakan dasar dan program untuk kemakmuran rakyat dan negara.

### **3.0 OBJEKTIF**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti pengetahuan Akujanji di kalangan kakitangan kerajaan.
- b) Mengenal pasti kepekaan kakitangan kerajaan terhadap Akujanji.
- c) Mengenal pasti kepatuhan kakitangan terhadap Akujanji.
- d) Mengenal pasti ketidakpatuhan kakitangan terhadap Akujanji
- e) Mengenal pasti perbezaan persepsi kakitangan berlainan organisasi, kaum dan kategori perkhidmatan terhadap Akujanji.

### **4.0 HIPOTESIS**

$H_0$  : Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara kakitangan berlainan organisasi, kaum dan kategori perkhidmatan terhadap pengetahuan, kepekaan, kepatuhan dan ketidakpatuhan Akujanji.

$H_1$  : Terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara kakitangan berlainan organisasi, kaum dan kategori perkhidmatan terhadap pengetahuan, kepekaan, kepatuhan dan ketidakpatuhan Akujanji.

### **5.0 SKOP KAJIAN**

Skop kajian adalah seperti berikut,

- a) Kajian dijalankan di tiga buah organisasi kerajaan.
- b) Kajian ketidakpatuhan diskopkan kepada item-item yang disenaraikan dalam soal selidik.
- c) Kajian perbezaan persepsi dilihat daripada segi organisasi, kaum dan kategori perkhidmatan.

### **6.0 METODE KAJIAN**

Reka bentuk kajian ialah kajian kes yang melibatkan tiga buah organisasi kerajaan di daerah Batu Pahat. Jumlah responden ialah 120 orang kakitangan seperti yang diperincikan dalam rajah berikut,

Jadual 1 : Latar Belakang Responden.

<b>Perkara</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Organisasi:		
A	35	29.16
B	45	37.50
C	40	33.33
Kaum:		
Melayu	76	63.33
China	25	20.83
India	19	15.83
Kategori Perkhidmatan:		
Kumpulan A	68	56.66
Kumpulan B	36	30.00
Kumpulan C	16	13.33

Instrument kajian yang digunakan ialah soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama maklumat berkaitan dengan latar belakang responden yang terdiri daripada organisasi, kaum dan kategori perkhidmatan. Bahagian kedua berkaitan maklum balas persepsi responden terhadap pengetahuan, kepekaan, kepatuhan dan ketidakpatuhan terhadap Akujanji yang berlaku dalam lingkungan pengetahuan dan persepsi responden. Maklum balas responden diukur kecenderungannya dengan menggunakan Skala Likert seperti yang diringkaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Skala Likert

<b>Kenyataan</b>	<b>Skor</b>
Sangat patuh/Sangat setuju	5
Patuh/Setuju	4
Kurang patuh/Kurang setuju	3
Tidak patuh/Tidak setuju	2
Sangat tidak patuh/Sangat tidak setuju	1

Sumber : Diubah suai daripada Mohd Salleh dan Zaidatun (2001)

Data-data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan program SPSS versi 10. Oleh kerana item-item berkaitan persepsi dibina sendiri oleh penyelidik maka ujian rintis untuk mendapatkan kebolehpercayaan semua item telah dijalankan dan hasilnya menerusi *Reliability Analysis-Scale Alpha* kebolehpercayaan bagi semua item ialah 0.75. Oleh itu, adalah diyakini item-item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik.

Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min bagi memenuhi objektif kajian pertama hingga keempat dan tafsiran bagi setiap min yang diperoleh diringkaskan menerusi Jadual 3.

Jadual 3 : Tafsiran Min

<b>Skor Min</b>	<b>Tafsiran</b>
1.0 – 2.3	Tidak patuh/Tidak Setuju
2.4 – 3.7	Kurang patuh/Kurang setuju
3.8 – 5.0	Patuh/Setuju

Sumber : Diubahsuai daripada Lendell K (1997)

Ujian Anova Sehala pada aras signifikan 0.05 (5%) ( $5\%/2 = 0.025\%$ ) telah digunakan untuk memenuhi objektif kajian kelima dan hipotesis yang ditetapkan.

## 7.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah seperti berikut:

- a) Pengetahuan Terhadap Akujanji.

Jadual 4 : Analisis Min Pengetahuan Terhadap Akujanji

Item	Min	Sisihan Piawai
Mengetahui kewujudan Akujanji.	4.43	.50
Mengetahui Akujanji menerusi taklimat organisasi	4.09	.62
Mengetahui sebahagian besar isi utama Akujanji.	3.76	.73
Pernah membaca sekurang-kurang sekali Akujanji.	4.05	.91
Mengetahui sumber rujukan untuk membaca Akujanji.	3.28	.53
Mengetahui huraiyan yang lengkap berkaitan Akujanji	3.40	.60
<b>Min keseluruhan</b>	<b>3.8347</b>	<b>.3783</b>

Berdasarkan Jadual 4, item ‘Mengetahui kewujudan Akujanji’ mempunyai min 4.43, diikuti item ‘Mengetahui Akujanji menerusi taklimat organisasi’ mempunyai min 4.09 dan item ‘Pernah membaca sekurang-kurang sekali Akujanji’ mempunyai min 4.05. Ini menunjukkan tahap kesedaran terhadap pengetahuan Akujanji adalah baik di kalangan responden yang terlibat dalam kajian ini.

- b) Kepekaan Terhadap Akujanji.

Jadual 5 : Analisis Min Kepekaan Terhadap Akujanji

Item	Min	Sisihan Piawai
Merujuk Akujanji sebelum melakukan tindakan berkaitan kerja.	3.39	.60
Merujuk Akujanji sebelum melakukan tindakan tidak langsung dengan kerja.	3.11	.46
Akujanji kerap dibincang bersama rakan sejawat.	2.96	.27
Kerap merujuk Akujanji untuk menasihati rakan.	3.54	.61
Akujanji menjadi panduan dalam hubungan sesama manusia.	4.10	.57
Sentiasa berusaha untuk mengingati walaupun berada di luar waktu pejabat	3.66	.67
<b>Min dan sisihan piawai keseluruhan</b>	<b>3.4597</b>	<b>.2939</b>

Berdasarkan Jadual 5, item yang mempunyai kadar min yang tinggi berhubung dengan ‘kepekaan’ ialah item ‘Akujanji menjadi panduan dalam hubungan sesama manusia’ mempunyai min 4.10, diikuti oleh item ‘Sentiasa berusaha untuk mengingati walaupun berada di luar waktu pejabat’ mempunyai min 3.66 dan item ‘Kerap merujuk Akujanji untuk menasihati rakan (sekerja)’ mempunyai min 3.54. Daripada dapatan di atas didapati kepekaan kakitangan kerajaan adalah sederhana sahaja (min keseleluhan 3.4597).

c) Kepatuhan Terhadap Akujanji

Jadual 6 : Analisis Min Kepatuhan Terhadap Akujanji.

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Akan sentiasa taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan	4.53	.50
Akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab.	4.47	.50
Tidak membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi	4.47	.50
Tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam	4.33	.47
Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak munasabah bahawa pegawai telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjelaskan kegunaannya sebagai pegawai awam.	4.42	.50
Tidak akan menggunakan kedudukan sebagai pegawai awam bagi faedah diri sendiri	4.33	.47
Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburuk dan mencemarkan nama perkhidmatan awam	4.62	.49
Tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan diri sendiri atau pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam.	4.47	.50
Tidak ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.	4.20	.79
<b>Min dan sisihan piawai keseluruhan.</b>	<b>4.4130</b>	<b>.2749</b>

Berdasar Jadual 6 yang berkaitan dengan item-item ‘Kepatuhan Terhadap Akujanji’ di atas, item ‘Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburuk dan mencemarkan nama perkhidmatan awam’ mempunyai min 4.62, diikuti item ‘Akan sentiasa taat kepada Yang Dipertuan Agong, Negara dan Kerajaan dengan min 4.53. Item-item yang lain seperti ‘Akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan

bertanggungjawab’, ‘Tidak membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi’ dan ‘Tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan diri sendiri atau pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam yang mempunyai min yang sama iaitu 4.47. Dapatan daripada item-item di atas menunjukkan bahawa ‘Kepatuhan Terhadap Akujanji’ mempunyai min yang menunjukkan responden dalam kajian ini mematuhi Akujanji.

d) Ketidakpatuhan Terhadap Akujanji.

Jadual 7 : Analisis Min Ketidakpatuhan Terhadap Akujanji

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Terdapat kakitangan kerajaan yang memperkecilkan dasar-dasar kerajaan	4.62	.49
Masih ramai kakitangan yang terpaksa diarah untuk melakukan sesuatu pekerjaan	4.47	.50
Wujudnya kes kakitangan yang membuat tuntutan palsu	4.20	.79
Terdapat kes pegawai atasan yang menyembunyikan kesalahan pekerja bawahannya.	4.19	.40
Ramai kakitangan yang menjalankan perniagaan pada waktu pejabat	4.33	.47
Wujudnya situasi kakitangan kerajaan yang terus tanpa alasan kukuh walaupun arahan berkaitan pembekuan cuti telah dikeluarkan.	4.17	.38
Anda selalu berhadapan dengan situasi terdapatnya rakan anda membantu saudara mara dalam sesuatu permohonan.	4.63	.48
Terdapat kakitangan yang menerima hadiah berdasarkan jawatan dan kuasa yang dipegang	4.25	.78
Terdapat pegawai yang tidak mengambil tindakan terhadap kakitangan bawahannya yang melakukan kesalahan kerana memperoleh ganjaran.	4.46	.50
Masih terdapat kakitangan yang menggunakan kenderaan rasmi untuk kegunaan peribadi	4.53	.58
Masih wujud kakitangan yang terlibat dengan kesalahan dadah	4.50	.62
Masih terdapat kakitangan kerajaan yang tidak menjaga nama baik Perkhidmatan Awam daripada amalan yang dilakukan	4.63	.48
Terdapat kakitangan kerajaan yang menanggung hutang yang sukar untuk diselesaikan	4.03	.57
Wujudnya kes-kes kakitangan kerajaan yang tidak sopan apabila berhubung dengan pelanggan di kaunter	4.17	.57

Wujudnya kes kakitangan kerajaan meminta bantuan ahli politik untuk mendapatkan suatu faedah ke atas dirinya	3.38	1.22
Terdapat kakitangan kerajaan yang bergiat cergas dalam politik tanpa kebenaran ketua masing-masing	3.01	1.00
Wujudnya kes kakitangan bawahan melawan/membantah arahan pegawai atasan.	3.14	.95
<b>Min dan sisihan piawai keseluruhan</b>	<b>4.1603</b>	<b>.3360</b>

Berdasarkan Jadual 7 berhubung dengan item ‘Ketidakpatuhan dengan Akujanji’ didapati item ‘Anda selalu berhadapan dengan situasi terdapatnya rakan anda membantu saudara mara dalam sesuatu permohonan’ dan ‘Terdapat kakitangan kerajaan yang tidak menjaga nama baik Perkhidmatan Awam daripada amalan yang dilakukan’ mempunyai min 4.63 manakala item ‘Terdapat kakitangan kerajaan yang memperkecilkan dasar-dasar kerajaan’ yang mempunyai min 4.62. Terdapat 11 item-item dalam Jadual 7 di atas yang mempunyai min yang lebih daripada 4.0 yang berkaitan dengan pelanggaran etika sebagai penjawat jawatan awam. Ini menunjukkan bahawa kes-kes yang berkaitan dengan ketidakpatuhan adalah tinggi daripada segi persepsi responden dalam kajian ini.

- e) Perbezaan Persepsi Kakitangan Berlainan Organisasi, Kaum dan Kategori Perkhidmatan Terhadap Pengetahuan, Kepekaan, Kepatuhan dan Ketidakpatuhan Akujanji.

Jadual 8 : Analisis Ujian Anova Terhadap Perbezaan Persepsi Responden.

	<b>Pengetahuan</b>	<b>Kepekaan</b>	<b>Kepatuhan</b>	<b>Ketidakpatuhan</b>
Organisasi	0.241	0.095	0.874	0.497
Kaum	0.201	0.216	0.427	0.819
Kategori Perkhidmatan	0.692	0.154	0.589	0.760

\* Angka dalam kotak ialah nilai signifikan hasil analisis Ujian Anova Sehala.

Jadual 8 menunjukkan bahawa kesemua nilai signifikan yang diperoleh hasil Ujian Anova Sehala adalah melebihi nilai signifikan/alfa yang ditetapkan iaitu 0.05 ( $0.05/2 = 0.025$ ). Oleh itu, Ho adalah diterima iaitu tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara responden berlainan organisasi, kaum dan kategori perkhidmatan daripada segi pengetahuan, kepekaan, kepatuhan dan ketidakpatuhan terhadap Akujanji.

## 8.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kakitangan kerajaan mempunyai pengetahuan yang baik dan kepekaan yang sederhana terhadap Akujanji. Mereka juga mempunyai kepatuhan yang baik terhadap item-item Akujanji dan menyedari bahawa banyak tingkah laku yang bertentangan dengan etika kerja sebagai seorang penjawat jawatan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia telah dilakukan oleh rakan-rakan mereka. Oleh itu perkara ini sewajarnya

dapat diambil tindakan yang berkesan untuk membendungnya masa ke semasa. Ini dapat dilakukan melalui kawalan tatatertib di mana tindakan ini tidak seharus dilihat sebagai aktiviti menghukum atau mendenda semata-mata pegawai atau kakitangan yang berkenaan tetapi kawalan tatatertib juga perlu dilihat dari sudut yang positif ke arah penerapan nilai murni bagi menjamin pematuhan peraturan sedia ada. Sehubungan dengan itu, peranan budaya kerja cemerlang yang diwujudkan dalam perkhidmatan awam hendaklah dilaksanakan dengan berkesan supaya masalah disiplin di kalangan kakitangan awam dapat dikawal dan dikurangkan pada masa hadapan.

Beberapa langkah perlu dilakukan untuk memberi kefahaman dan penghayatan yang lebih terhadap huraian-huraian dalam pelaksanaan Akujanji di kalangan pegawai kakitangan kerajaan.

- a. memberi taklimat termasuk soal jawab daripada pihak yang berkenaan seperti Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia supaya dapat memberi kefahaman yang lebih jelas dan
- b. mengeluarkan buku khusus berhubung dengan Akujanji bersama dengan Perintah Am Bab D (Kelakuan dan Tatatertib) yang telah dikemaskini untuk makluman semua kakitangan kerajaan.

Akhirnya Akujanji adalah salah satu pendekatan untuk melahirkan pegawai awam yang berdedikasi, komited, bertanggungjawab dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi untuk memajukan negara. Mereka hendaklah sentiasa memelihara dan menjaga kedaulatan dan maruah negara, hormat dan patuh kepada undang-undang dan perlombagaan serta sentiasa berusaha berbakti kepada rakyat dan negara.

## **9.0 RUJUKAN**

Berita Harian 28.6.2002 - “*Jumlah Kakitangan Awam Kena Tindakan Tatatertib Menurun*”.

Lendell, K, 1997, *Management by Menu*. Wiley and Sons Inc. London, United Kingdom.

Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir, 2001, *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0*. Venton Publishing. Kuala Lumpur, Malaysia.

<http://www.cikgu.net.my/malay/berita/> - “Akujanji Untuk Hayati Tugas” - Laman rasmi cikgu.net

<http://www.jpa.gov.my/pekeliling/pp01/bil17/pp17-01-lamp-c.htm> – Penguatkuasaan Surat Aku Janji Pegawai Awam (laman rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia) – Laman rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam..

<http://www.jpa.gov.my/pekeliling/pp01/bil17/pp17-01-lamp-c.htm> – Penjelasan Kepada Surat Aku Janji – Lampiran C (laman rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia) – Laman rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam..